

Kajian Tahap Penghayatan Solat Fardu dan Faktor Pelaksanaannya Dalam Kalangan Mahasiswa UiTM Shah Alam

***Siti Khurshiah Mohd Mansor, Syuhaida Idha Abd Rahim,
Nur Hidayah Zainal**

¹*Academy of Contemporary Islamic Studies,
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Malaysia*

*Corresponding Authors
sitik302@uitm.edu.my

Received: 14 July 2021
Accepted: 5 October 2021
Online First: 22 November 2021

ABSTRAK

Mahasiswa berdepan dengan pelbagai cabaran pembinaan jatidiri dan sahsiah yang membawa kepada penubuhan Jawatankuasa Tindakan Khas Menangani Masalah Sosial Mahasiswa oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil kementerian, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) ini adalah susulan kepada insiden yang tular berkaitan pembabitan mahasiswa di dalam aktiviti tidak bermoral, sugarbook. Melihat kepada asas pembinaan Islam, akhlak adalah refleksi kepada aqidah dan syariah. Pensyariatan solat dalam Islam pula bertujuan untuk mencegah manusia daripada melakukan perkara keji dan mungkar. Justeru kajian ini dijalankan untuk mengkaji tahap penghayatan solat fardu dalam kalangan mahasiswa UiTM Shah Alam dan mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa untuk menunaikan solat fardu. Kajian ini tertumpu kepada kajian kuantitatif dengan menjalankan soal selidik ke atas 813 responden yang merupakan mahasiswa Ijazah Sarjana Muda UiTM Shah Alam. Data primer ini kemudiannya dianalisa menggunakan



Copyright© 2021 UiTM Press.
This is an open access article
under the CC BY-NC-ND license

PENERBIT  PRESS
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

analisis deskriptif dan dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman berkenaan kewajipan solat fardu dalam kalangan mahasiswa berkait rapat dengan faktor didikan ibu bapa dan kefahaman agama. Faktor ini akan menentukan tahap konsistensi mahasiswa dalam menghayati solat fardu. Selain itu, faktor individu dilihat sebagai pendorong utama mahasiswa menunaikan solat secara konsisten. Dapatan kajian ini menunjukkan kepentingan universiti menyediakan suasana kampus yang membina dan mendorong mahasiswa untuk sentiasa amanah dengan tanggungjawab menunaikan solat. Majoriti responden bersetuju solat mampu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar.

Keywords: *solat fardu, penghayatan solat, faktor solat, mahasiswa dan solat.*

The Level of Understanding and Factors to Perform Obligatory Prayers among UiTM Shah Alam Students

ABSTRACT

The challenges in building up the character development, morals and ethics of the university students has led to the establishment of special committees by the Ministry of Higher Education to counter the social problems among students. This committees which inclusive of the representatives from the ministry itself and participation from the Non Governmental Organization (NGO) members are being established due to the arise in social issues faced by the Malaysian university students especially on the claim made by the media with regards to the involvement of students in Sugarbook, the social dating platform. Islam is the reflection of akhlak from the in depth understanding of aqidah and practice of syariah while solat (prayers) is suppose to prevent Muslim from the wrongdoings. This study is conducted to study the level of understanding of obligatory prayers among students in UiTM Shah Alam and to acknowledge the factors contributed to the performance of the obligatory prayers. The study is based upon quantitative method, where questionnaire is distributed towards 813 respondents of UiTM Shah Alam bachelor's degree students. The primary data received is then analyzed using the descriptive analysis and results indicated that

the level of understanding on obligatory prayers among university students are highly depending on the parental guidance and religious knowlege possess by the students. These two factors will determine the consistency in performing the obligatory prayers among students. Apart from that, self determination is the crucial key factor for the student to perform obligatory prayers. As a conclusion, it is important for the university to establish a highly supportive environments in building up the personal character of the students especially in highlighting the importance of performing the obligatory prayers as most of the students agree that, prayers is safeguarding them from the prohibited acts and wrongdoings. Then only, the social problems among students could be prevent effectively.

Keywords: *obligatory prayers, understanding of prayers, solat, students and prayers, factors of solat.*

PENDAHULUAN

Masyarakat Malaysia digemparkan dengan statistik yang tular sekitar Februari 2021 dikeluarkan oleh aplikasi sugarbook. Statistik menunjukkan seramai 12,705 mahasiswa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berdaftar dengan aplikasi Sugarbook untuk mencari “sugar daddy.” Tambahan daripada itu, Malaysia merekodkan kedudukan ketiga di Asia selepas India dan Indonesia dengan bilangan sugar daddy paling ramai. Aplikasi media sosial yang pada dasarnya menjanjikan ruangan mencari pasangan ini mula menerima persepsi yang tidak baik apabila didakwa mempromosikan gaya hidup yang tidak bermoral. (Muzamir, 2021) Syahidatul (2021) melaporkan sebanyak 40% pendaftaran dibuat untuk memasuki aplikasi sugarbook di atas faktor desakan hidup yang semakin terhimpit dengan ekonomi semasa akibat daripada pandemik Covid-19. Susulan daripada itu, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) menubuahkan Jawatankuasa Tindakan Khas Menangani Masalah Sosial Mahasiswa bagi menyiasat dakwaan yang tular, dan dalam pada masa yang sama sebagai satu langkah membantu pemerkasaan sahsiah dalam kalangan mahasiswa. (Yahaya, 2021) Aplikasi media sosial yang ada seolah memberi kepincangan dan ibarat nanah yang membekas sedikit demi sedikit merosakkan akhlak mahasiswa jika tidak dipantau dengan baik. (Sulong, 2010) Ashaari & Adli (2019) menerangkan bahawa kemunculan ideologi yang jelas bercanggah dengan ajaran dan landasan agama serta

budaya hidup tempatan seperti sekularisme dan pembaratan membawa mahasiswa kepada bahaya liberalisme. Keadaan ini lebih mudah menyerap sekiranya mahasiswa tidak mempunyai benteng dan jatidiri berpaksikan pegangan agama yang kukuh.

Dalam Islam tiga asas utama yang saling berkait rapat iaitu akidah, syariat dan akhlak. Meletakkan akidah sebagai paksi dan tunjang jatidiri seorang Muslim, seorang Muslim akan berusaha menyempurnakan penghayatan akidahnya dengan mempraktiskan syariat Allah di dalam kehidupan. Zahirnya, akhlak yang terbentuk akan menjadi satu refleksi keimanan dan kesyumulan syariat yang dibawa dalam kehidupan seharian. Membina akhlak dan peribadi yang mulia menjadi satu cabaran besar buat umat Islam hari ini.

Allah SWT berfirman yang bermaksud; “dan dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan munkar.” (al-Ankabut:45) Penghayatan ibadah solat yang dilakukan seharian, terutamanya solat fardu lima waktu perlu dilihat sebagai benteng utama pertahanan diri dan pembinaan jatidiri Muslim. Allah menjanjikan balasan yang amat dahsyat bagi mereka yang cuai dan meringankan solat (al-Ma'un:4-5) sedangkan solat adalah ibadah yang sangat penting dan merupakan rukun Islam yang kedua.

Oleh kerana itu kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji tahap penghayatan solat fardu dalam kalangan mahasiswa UiTM dan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mempengaruhi mahasiswa untuk menuaikan solat fardu.

Rekabentuk kajian yang dijalankan ini merupakan analisis yang bersifat deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Kajian dijalankan secara atas talian menggunakan instrumen soal selidik melalui platform google form. Responden dipilih secara rawak terdiri daripada 813 orang pelajar, mahasiswa UiTM Shah Alam dengan pelbagai latar belakang dan fakulti. Instrumen soal selidik ini terbahagi kepada 3 segmen data iaitu bahagian A- Maklumat responden; Bahagian B- Penghayatan solat fardu dan Bahagian C- Faktor mendirikan solat fardu. Selain daripada menggunakan data primer melalui instrumen soal selidik, kajian ini juga mengumpulkan dapatan data sekunder melalui kajian literatur menggunakan *database*

daripada perpustakaan dan jurnal atas talian di samping buku-buku dalam bidang fiqh dan tafsir.

KAJIAN LITERATUR

Solat dari sudut bahasa bermaksud mendoakan kebaikan. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan doakanlah mereka, kerana sesungguhnya doamu itu memberi ketenteraman untuk mereka.

(al-Taubah: 103)

Ayat ini bermaksud doakanlah untuk mereka agar mendapat keampunan (Allah) selepas mereka menunaikan zakat dan membayarnya. (al-Zuhaily, 2015). Manakala solat daripada sudut syara' bermaksud beberapa perkataan dan perbuatan yang dimulakan dengan takbiratul ihram dan disudahi dengan salam dengan syarat-syarat tertentu. Ia dinamakan solat kerana doa merupakan unsur yang paling banyak terkandung di dalamnya.

Solat merupakan ibadah yang juga disyariatkan kepada para Nabi terdahulu seperti Nabi Ismail sebagaimana dalam firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan adalah ia menyuruh keluarganya mengerjakan solat dan memberi zakat, dan ia pula adalah seorang yang diredhai di sisi Tuhan.

(Maryam:55)

Ketika diutus menjadi Rasul, Nabi Muhammad SAW telah mendirikan solat dua rakaat pada setiap pagi dan petang (al-Bakri, 2017). Solat fardu mula disyariatkan pada malam Isra' Mikraj yang berlaku lima tahun sebelum hijrah menurut pendapat yang masyhur di kalangan ahli sejarah. (al-Zuhaily, 2015) Ada pendapat menyatakan peristiwa Isra Mikraj ini berlaku 18 bulan sebelum Nabi berhijrah ke Madinah. Pada malam tersebut Allah telah memfardhukan 50 solat sehari semalam ke atas Nabi Muhammad dan seluruh umat Islam. Kemudian Allah mengurangkannya kepada lima waktu namun sama pahalanya dengan 50 waktu solat.

Beberapa dalil kewajipan solat fardu terdapat dalam al Quran dan hadith Rasulullah SAW, antaranya, firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat; dan ruku'lah kamu semua (berjama'ah) bersama-sama orang-orang yang ruku'.

(al-Baqarah:43)

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Bumbung rumahku terbuka ketika aku berada di Makkah, lalu turun malaikat Jibril. Kemudian dia memegang tanganku lalu membawa naik ke langit. Maka Allah telah memfardukan 50 solat ke atas umatku. Lalu aku berulang-alik menemuiNya, maka Allah menyatakan bahawa lima solat menyamai 50 solat, tidak diubah lagi penyataan itu untukku.

(Riwayat al-Bukhari (342) dan Muslim (163)

Ulama' juga telah berijma' tentang kewajipan solat lima waktu sehari semalam. Solat telah menjadi satu perkara yang telah diketahui secara pasti dalam agama (ما علم من الدين بالضرورة) (al-Zuhaily, 2015).

Solat merupakan ibadah badaniah yang paling utama. Ia diibaratkan seperti kepala kepada tubuh, sekiranya tiada kepala maka tiadalah kehidupan. Maka begitulah tiada agama bagi orang yang tidak mendirikan solat (Abdullah, 1991). Setiap hukum yang telah ditetapkan sama ada secara umum mahupun khusus bertujuan untuk kemaslahatan manusia di dunia dan akhirat (al-Alim, 1994) Melihat kepada sejarah pensyariatan solat melalui peristiwa agung Israk dan Mikraj di mana Rasulullah menerima perintah solat secara langsung daripada Allah Taala, sudah pasti ia mempunyai hikmah yang besar di samping maqasid tertentu yang hendak dicapai. Secara ringkasnya kepentingan dan hikmah solat adalah seperti berikut:

1. Sifat orang-orang bertakwa. (al-Baqarah: 1-5)
2. Tiang agama (Riwayat al-Tirmizi (2616)
3. Menghapuskan dosa (Riwayat Bukhari (505,667), Muslim (668, 231)
4. Bertujuan untuk mengingati Allah (Thaha:14)

5. Jalan untuk memperolehi kemenangan dan kejayaan. (al-Mukminun:1-2)
6. Jalan untuk mendapat ganjaran syurga. (al-Mukminun: 9-11)
7. Mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar (al-Ankabut:45)

Maksud firman Allah SWT:

Dirikanlah solat, sesungguhnya solat itu mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar.

(al-‘Ankabut:45)

Dalam mentafsirkan ayat di atas, Syed Qutb menyatakan solat akan mencegah pelakunya daripada melakukan perkara keji dan mungkar. Ini kerana solat itu merupakan hubungan dengan Allah yang akan menjadikan si pelakunya akan merasa malu jika ia membawa dosa besar dan perbuatan keji ketika berjumpa dengan Allah (Qutb, 2004).

Hamka dalam kitab Tafsir al-Azhar berpendapat solat yang akan menjadi benteng daripada perbuatan yang keji seperti zina, merompak, merugikan orang lain, berdusta, menipu dan segala perbuatan mungkar iaitu yang mendapat celaan daripada masyarakat ialah solat yang dikerjakan dengan khusyu’. Ia bermaksud solat yang didirikan dengan mengingati bahawa tujuan solat ialah untuk melatih diri selalu mengingati Allah (HAMKA, 2015). Dalam sebuah hadith yang berasal daripada riwayat Imran dan Ibn Abbas secara marfu’ menyatakan yang bermaksud:

Barangsiapa yang solatnya tidak mencegahnya daripada perbuatan keji dan mungkar, maka tidak akan menambahkannya daripada Allah melainkan semakin jauh.

(Riwayat Al-Thabrani)

Orang yang menuai solat, tetapi hasilnya seperti itu bererti dia belum mendirikan solat dengan sebenarnya. Perkara yang paling utama dalam solat ialah mengingati Allah sebagaimana sambungan ayat ini yang bermaksud: “Dan sesungguhnya mengingati Allah itu adalah lebih besar.”. Solat merupakan himpunan amalan zahir, seperti yang disebut rukun dalam ilmu Fiqh seperti berdiri tegak menghadap kiblat, niat, takbiratul ihram, ruku’, sujud dan seterusnya sehingga salam. Namun, semua itu menjadi

kecil atau tidak bererti sekiranya dalam mengerjakan solat kita tidak mengingati Allah atau tidak mengingati bahawa fokus dalam solat ialah mengingati Allah. Oleh itu mengingati Allah adalah perkara paling besar dan utama dalam solat (HAMKA, 2015).

Dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad bahawa seorang sahabat mengadu kepada baginda bahawa ada seorang lelaki yang mendirikan solat malam, tetapi pada waktu pagi dia mencuri. Lalu baginda bersabda, bahawa bila orang itu telah betul-betul solat, maka solatnya kelak akan mencegahnya daripada mencuri. Abul Aliyah mengatakan bahawa solat yang didirikan hendaklah memiliki tiga syarat, iaitu *al-Ikhlas* (ikhlas), *khashyah* (takutkan Allah) dan *dzikrullah* (mengingati Allah). Sekiranya ketiga-tiganya tiada maka tidak berertilah solatnya (HAMKA, 2015).

Menurut al-Sa'adi, solat yang boleh mencegah daripada perkara keji dan mungkar apabila ia didirikan dengan menyempurnakan semua rukun dan syaratnya serta khusyu'. Ia akan menerangi dan membersihkan hati, menambah keimanan dan keinginan untuk melakukan kebaikan. Seterusnya akan berkurangan atau hilangnya keinginan kepada kejahanan. Maka apabila ia konsisten melaksanakan dan menjaganya, ia akan mencegahnya daripada melakukan perkara keji dan mungkar yang merupakan tujuan dan hasil yang paling utama daripada solat (Al-Saadi).

Suhaila (2018) mengkaji faktor pengabaian solat dalam kalangan remaja dan kajian yang telah dijalankan menunjukkan terdapat 6 faktor utama membawa kepada mahasiswa meninggalkan solat. Di antara faktor tersebut adalah penggunaan media sosial dan teknologi yang terlalu lama hingga membawa kepada terlepasnya waktu solat. Dapatkan ini mendokong idea bahawa teknologi dan aplikasi sosial boleh membawa kepada kebaikan sekiranya di gunakan dengan sebaiknya, namun tanpa disiplin kendiri medium ini bole membawa kepada pengabaian solat yang merupakan tunjang kepada ibadah Muslim. Selain daripada faktor teknologi, Suhaila (2018) juga melihat kepada faktor individu, keluarga dan institusi pendidikan yang membina karakter dan persekitaran seorang remaja. Penekanan kefahaman agama dalam diri individu mampu meneruskan konsistensi mereka untuk menghayati ibadah solat. Manakala keluarga dilihat sebagai asas penting pembinaan kehidupan awal remaja berkenaan dan institusi pendidikan pula mendokong apa yang telah dibawa dalam praktis keluarga remaja berkenaan.

Selari dengan dapatan ini, Marzuki, Abd Rahman dan Ismail (2018) membuktikan bahawa didikan dan kefahaman agama semenjak kecil merupakan faktor utama mahasiswa mendirikan solat. Faktor ini ditambah kuatkan dengan dorongan dan teladan yang dibentuk oleh keluarga bagi memastikan mahasiswa menjaga konsistensi menunaikan ibadah solat lima waktu. Kajian mereka dikukuhkan lagi dengan kaedah Korelasi Pearson yang menunjukkan solat fardu mempunya hubungan yang sangat positif bagi pembentukan sahsiah mahasiswa. Justeru, adalah sangat penting untuk kajian ini dijalankan bagi melihat sejauh mana penghayatan solat fardu dalam kalangan mahasiswa supaya segala masalah sosial semasa yang timbul berkaitan akhlak, etika dan sahsiah mahasiswa dapat dibendung. Melihat kepada responden dari kalangan mahasiswa Kolej Komuniti, Bidin, Baharuddin dan Mustari (2015) menyokong bahawa tahap kefahaman mahasiswa terhadap solat fardu adalah sangat baik. Mahasiswa juga menyedari hakikat dan kesan meninggalkan solat di dalam kehidupan mereka, di antaranya meninggalkan solat akan membawa kepada kesan di akhirat kelak.

Noor Syahidah, Nurazlina dan Suhaida (2016) melihat kepada bukan semata penghayatan solat, tetapi memperincikan kajian penghayatan ibadah kepada solat secara berjemaah. Meskipun majoriti responden mengetahui kelebihan menunaikan solat secara berjemaah, namun penghayatan responden untuk menunaikan solat berjemaah berada di tahap sederhana. Kajian ini ingin membuktikan tunjang kehidupan manusia terutamanya mahasiswa yang sedang meneroka keinginan dan mentafsir kehidupan adalah dasarnya mesti berpaksikan agama.

DAPATAN KAJIAN

Soal selidik mengandungi tiga bahagian A, B dan C. Bahagian A adalah maklumat responden seperti jantina, tahun pengajian, fakulti, pendidikan menengah, pendapatan keluarga dan negeri asal. Bahagian B terbahagi kepada dua seksyen, pertama mengenai pelaksanaan solat fardu bagi kelima-lima waktu dan kedua berkenaan penghayatan solat fardu. Bahagian C membincangkan faktor mendirikan solat.

1. Bahagian A: Maklumat Responden.

Jadual 1: Bahagian A - Latar Belakang Responden

JANTINA	BIL	PERATUS (%)
Lelaki	259	31.9
Perempuan	554	68.1
FAKULTI		
Seni Lukis dan Seni Reka	53	6.5
Senibina, Perancangan dan ukur	128	15.7
Sains Gunaan	125	15.4
Sains Komputer dan Matematik	68	8.4
Kejuruteraan	130	16.0
Pengurusan Hotel &Pelancongan	3	0.4
Akademi Pengajian Islam Kontemporari	141	17.3
Akademi Pengajian Bahasa	67	8.2
Undang-undang	10	1.2
Komunikasi & Media	59	7.3
Sains Sukan & Rekreasi	28	3.6
NEGERI		
Johor	67	8.2
Kedah	54	6.6
Kelantan	113	14.0
Kuala Lumpur	45	5.5
Melaka	40	4.9
Negeri Sembilan	28	3.4
Pahang	47	5.8
Perak	52	6.4
Perlis	5	0.6
Pulau Pinang	21	2.6
Sabah	18	2.2
Sarawak	20	2.5
Selangor	254	31.2
Terengganu	49	6.0

TAHUN PENGAJIAN		
1	478	58.8
2	225	27.7
3	76	9.3
4	34	4.2
PENDIDIKAN		
Aliran Agama	260	32.0
Aliran Kebangsaan	553w	68.0
PENDAPATAN KELUARGA		
<RM2,000	230	28.3
RM2,001- RM4,000	222	27.3
RM4,001- RM6,000	113	13.9
RM6,001- RM8,000	80	9.8
>RM8,000	168	20.7

Daripada dapatan latar belakang responden, dapat dilihat majoriti responden adalah daripada kalangan mahasiswa wanita (68.1%) dengan komposisi purata yang lebih kurang sekitar 17% bagi setiap fakulti kejuruteraan, Fakulti Seni Bina, Perancangan dan Ukur, Fakulti Sains Gunaan dan Akademi Pengajian Islam Kontemporari. 31% daripada responden menetap di Selangor dan data paling sedikit 0.6% daripada mereka yang menetap di Perlis.

Terdapat 58.8% responden daripada mahasiswa yang berada dalam tahun pertama pengajian berbanding hanya 4.2% daripada tahun terakhir pengajian. Hanya 68% daripada responden bersekolah di sekolah aliran Kebangsaan berbanding 32% yang datang daripada sekolah aliran agama. Terdapat 53% responden daripada keluarga yang berpendapatan RM4,000 ke bawah dan terdapat 20.7% responden dalam kategori keluarga yang berpendapatan tinggi.

2. Bahagian B1: Pelaksanaan Solat Fardu dalam Kalangan Responden.

Jadual 2: Pelaksanaan solat fardu

	Tidak Pernah Didirikan	Selalu Ditinggalkan	Kadang Kala Ditinggalkan	Jarang Sekali ditinggalkan	Didirikan setiap hari
Saya mendirikan solat berikut setiap hari:					
Subuh	5 (0.62%)	49 (6.03%)	203 (24.97%)	132 (16.24%)	424 (52.15%)
Zuhur	9 (1.11%)	17 (2.09%)	109 (13.41%)	106 (13.04%)	572 (70.36%)
Asar	10 (1.23%)	18 (2.21%)	117 (14.39%)	110 (13.53%)	558 (68.64%)
Maghrib	10 (1.23%)	11 (1.35%)	78 (9.59%)	117 (14.39%)	597 (73.43%)
Isya	9 (1.11%)	17 (2.09%)	113 (13.90%)	122 (15.00%)	552 (67.90%)

*nombor di dalam kurungan *(xx) merujuk kepada peratus %

Merujuk kepada jadual 2 di atas, secara keseluruhan peratusan mahasiswa yang mendirikan solat fardu cukup lima waktu ialah sebanyak 49.69%. Ini bermakna 50.30% mahasiswa pernah meninggalkan solat fardu. Peratusan tertinggi solat yang didirikan setiap hari ialah solat maghrib iaitu sebanyak 73.43%. Kemudian diikuti solat zuhur sebanyak 70.36%, asar iaitu 68.64% dan isyak pula ialah 67.9%. Peratusan tertinggi solat yang selalu ditinggalkan ialah solat subuh iaitu sebanyak 6.03% dan 0.62% tidak pernah mendirikannya. Kemudian diikuti oleh solat asar (2.21%), solat zuhur dan isyak (2.09%) dan yang terakhir solat maghrib (1.35%). Ini bermakna solat maghrib adalah solat yang paling tinggi peratusan yang mendirikan setiap hari dan paling rendah peratusan meninggalkannya.

Manakala analisa mengikut jenis solat, bagi solat subuh, peratusan yang kerap meninggalkannya lebih tinggi daripada yang sesekali meninggalkannya. Ini boleh diandaikan bahawa faktor solat subuh ditinggalkan bukan kerana faktor luaran tetapi lebih kepada masalah sikap dan kecuaian mahasiswa seperti kesukaran untuk bangun di awal pagi. Ini

kerana pada waktu pagi mahasiswa belum lagi disibukkan dengan urusan seperti menghadiri kuliah dan sebagainya. Bagi solat zuhur, peratusan yang mendirikannya setiap hari adalah kedua tertinggi. Manakala kadar yang kerap meninggalkannya hampir menyamai kadar peratusan yang jarang sekali meninggalkannya. Bagi solat asar, data menunjukkan pola yang hampir sama dengan solat zuhur. Ini berkemungkinan kerana kedua solat ini berada pada waktu siang di mana mahasiswa sibuk menjalani aktiviti sehari-hari.

Bagi solat maghrib, sebagaimana dijelaskan sebelum ini merupakan peratusan tertinggi didirikan setiap hari dan paling rendah peratusan solat yang selalu ditinggalkan. Namun peratusan yang tidak pernah mendirikannya juga paling tinggi (1.23%) sama seperti solat asar. Manakala solat isyak menunjukkan pola yang hampir sama dengan solat zuhur dari segi peratusan pelaksanaannya mengikut skala yang ditetapkan.

3. Bahagian B2: Penghayatan Solat Fardu

Jadual 3: Penghayatan solat fardu

	Sangat tidak bersetuju	Tidak bersetuju	Tidak pasti	Bersetuju	Sangat bersetuju
Saya sentiasa mendirikan solat di awal waktu	3 (0.37)	90 (11.07)	223 (27.43)	417 (51.29)	80 (9.84)
Saya selalu mendirikan solat sunat disamping solat fardu	46 (5.66)	225 (27.68)	304 (37.39)	216 (26.57)	22 (2.71)
Saya tetap akan mendirikan solat walau dalam keadaan sakit yang berat	11 (1.35)	45 (5.34)	177 (21.77)	319 (39.24)	261 (32.10)
Saya tetap akan mendirikan solat walau dalam keadaan sibuk	4 (0.49)	21 (2.58)	113 (13.90)	326 (40.10)	349 (42.93)
Saya merasa tenang ketika mendirikan solat	3 (0.37)	4 (0.49)	41 (5.04)	227 (27.92)	538 (66.17)
Saya solat dalam keadaan khusyuk	4 (0.49)	23 (2.83)	313 (38.50)	403 (49.57)	70 (8.61)
Saya melaksanakan semua rukun solat dengan sempurna	3 (0.37)	13 (1.60)	194 (23.86)	374 (46.00)	229 (28.17)

Saya melaksanakan perkara-perkara sunat di dalam solat	7 (0.86)	11 (1.35)	231 (28.41)	383 (47.11)	181 (22.26)
Saya akan mengqadha solat yang ditinggalkan	15 (1.85)	44 (5.41)	140 (17.22)	269 (33.09)	345 (42.44)
Saya cuba untuk memahami maksud bacaan di dalam solat	7 (0.86)	30 (3.69)	142 (17.47)	429 (52.77)	205 (25.22)
Saya akan memastikan pakaian saya bersih daripada najis sebelum mendirikan solat	2 (0.25)	4 (0.49)	38 (4.67)	269 (33.09)	500 (61.50)
Saya memastikan wudhu dilaksanakan dengan sempurna sebelum mendirikan solat	2 (0.25)	3 (0.37)	33 (4.06)	287 (35.30)	488 (60.02)
Saya mendirikan solat secara konsisten setelah mencapai umur baligh	15 (1.85)	54 (6.64)	188 (23.12)	299 (36.78)	257 (31.61)
Saya akan rasa berdosa sekiranya meninggalkan solat fardu	3 (0.37)	4 (0.49)	48 (5.90)	206 (25.34)	552 (67.90)
Saya sentiasa berusaha untuk memperbaiki kualiti solat	2 (0.25)	4 (0.49)	36 (4.43)	247 (30.38)	524 (64.45)
Saya akan menegur dan menasihati sahabat yang cuai dalam solat	9 (1.11)	45 (5.54)	206 (25.34)	356 (43.79)	197 (24.23)

Merujuk kepada jadual 3, secara keseluruhan menunjukkan majoriti mahasiswa mempunyai kefahaman dan penghayatan yang baik mengenai solat fardu. Sekiranya dilihat dalam bentuk geraf menunjukkan ianya lebih cenderung pada sebelah kanan. Peratusan yang agak rendah berlaku pada pelaksanaan solat di awal waktu, solat sunat serta menegur dan menasihati sahabat yang cuai dalam solat. Namun, perlu diberi perhatian apabila kadar peratusan yang agak tinggi mereka yang tidak pasti melaksanakan semua rukun solat dengan sempurna iaitu 23.86%. Rukun solat merupakan perkara yang sewajarnya dilaksanakan dengan sempurna bagi memastikan solat yang didirikan itu sah.

Peratusan tertinggi untuk skala sangat bersetuju ialah pada soalan saya akan rasa berdosa sekiranya meninggalkan solat fardu (67.90%). Ini menandakan tahap kesedaran mahasiswa terhadap kewajipan solat agak tinggi, namun kelemahan diri sendiri menyebabkan mereka kadang-kala cuai dalam melaksanakannya. Peratusan kedua tinggi pula ialah 66.17%

mahasiswa sangat bersetuju merasa tenang ketika mendirikan solat. Ini menunjukkan antara hikmah solat ialah dapat memberi ketenangan jiwa diakui oleh kebanyakan mahasiswa termasuk mereka yang sering cuai mendirikannya. Namun hanya 8.61% mahasiswa sangat bersetuju solat dalam keadaan khusyu', manakala 38.50% pada skala tidak pasti, sedangkan khusyu' merupakan ciri utama untuk mencapai tahap solat yang mampu mencegah daripada melakukan perkara keji dan mungkar.

4. Bahagian C- Faktor Mendirikan Solat

Jadual 4: Faktor mendirikan solat

	<i>Sangat tidak bersetuju</i>	<i>Tidak bersetuju</i>	<i>Tidak pasti</i>	<i>Bersetuju</i>	<i>Sangat bersetuju</i>
Saya mendirikan solat fardu kerana saya mengetahui dan memahami kewajipannya	2 (0.25)	3 (0.37)	15 (1.85)	197 (24.23)	596 (73.31)
Saya mendirikan solat fardu kerana mengetahui solat merupakan rukun Islam yang kedua	2 (0.25)	5 (0.62)	14 (1.72)	201 (24.72)	591 (72.69)
Saya mendirikan solat fardu kerana menyedari tanggungjawab saya sebagai hamba Allah	2 (0.25)	2 (0.25)	13 (1.60)	175 (21.53)	621 (76.38)
Saya mendirikan solat fardu kerana saya mengetahui hukum meninggalkannya	2 (0.25)	3 (0.37)	16 (1.97)	193 (23.74)	599 (73.68)
Saya mendirikan solat fardu kerana saya mengetahui ia wajib ditunaikan walau dalam keadaan apa sekalipun mengikut kemampuan saya	2 (0.25)	1 (0.12)	20 (2.46)	196 (24.11)	594 (73.06)
Saya mendirikan solat fardu kerana saya mengetahui ibadah solat boleh mencegah saya daripada perbuatan keji dan mungkar	2 (0.25)	3 (0.37)	26 (3.20)	188 (23.12)	594 (73.06)
Ibubapa mendidik saya untuk menunaikan solat fardu sejak kecil	4 (0.49)	14 (1.72)	39 (4.80)	157 (19.31)	599 (73.68)

Ibubapa sentiasa berpesan supaya saya sentiasa mendirikan solat fardu	3 (0.37)	2 (0.25)	31 (3.81)	155 (19.07)	622 (76.51)
Ibubapa sentiasa mengambil tahu sama ada saya solat fardu atau tidak	3 (0.37)	15 (1.85)	51 (6.27)	216 (26.57)	528 (64.94)
Ibubapa akan menghukum saya sekiranya saya meninggalkan solat fardu	25 (3.08)	71 (8.73)	151 (18.57)	246 (30.26)	320 (39.36)
Ibubapa saya menunaikan solat fardu secara konsisten	5 (0.62)	10 (1.23)	43 (5.29)	172 (21.16)	583 (71.71)
Ibubapa adalah pendorong utama saya untuk mendirikan solat fardu	5 (0.62)	18 (2.21)	54 (6.64)	203 (24.97)	533 (65.56)
Sahabat dan orang di sekeliling saya mendirikan solat secara konsisten	12 (1.48)	22 (2.71)	119 (14.64)	299 (36.78)	361 (44.40)
Sahabat dan orang di sekeling saya sentiasa mengingatkan saya tentang kewajipan solat	10 (1.23)	31 (3.81)	118 (14.51)	301 (37.02)	353 (43.42)
Sahabat dan orang disekeliling saya akan menasihati saya sekiranya saya cuai dalam mendirikan solat	15 (1.85)	33 (4.06)	146 (17.96)	293 (36.04)	326 (40.09)
Sahabat dan orang di sekeliling saya menjadi pendorong saya untuk mendirikan solat fardu	15 (1.85)	28 (3.44)	107 (13.16)	297 (36.53)	366 (45.02)

Merujuk kepada jadual 4, majoriti daripada responden menyedari dan bersetuju kepentingan dan kewajipan solat sebagai suatu kefarduan dalam diri individu. Ini dapat dilihat daripada dapatan lebih dari 70% sangat bersetuju bahawa kewajipan solat ke atas individu (73.31%), solat sebagai rukun Islam kedua (72.69%) dan 73.68% mengetahui hukum meninggalkan solat fardu. 76.38% pula sangat bersetuju bahawa solat merupakan satu tanggungjawab manusia sebagai seorang hamba. Secara tidak langsung, ini dapat membuktikan bahawa daripada sudut faktor kefahaman individu pelajar UiTM Shah Alam terhadap solat fardu adalah pada tahap yang sangat baik.

Faktor kefahaman individu terhadap penghayatan solat memainkan peranan yang sangat penting untuk menjadi pemangkin seseorang pelajar menunaikan solat fardu. Terdapat 73.06% responden menyedari solat

mampu mencegah mereka daripada melakukan perbuatan keji dan mungkar. Secara tidak langsung, solat difahami sebagai faktor utama membenteng diri mahasiswa UiTM Shah Alam daripada mudah terpengaruh dengan masalah sosial dan aktiviti yang tidak baik.

Selain daripada itu, melihat kepada perspektif yang lain, faktor didikan keluarga juga dilihat memainkan peranan yang penting dalam menerangkan faktor penghayatan solat fardu dalam diri mahasiswa. Hanya 4 orang daripada sejumlah 813 responden yang menidakkan dan tidak bersetuju dengan faktor didikan keluarga sebagai pemangkin utama mereka mendirikan solat fardu. Ini mungkin selari dengan hakikat, tidak semua mahasiswa dibesarkan dalam keluarga yang mempunyai latar belakang penekanan didikan agama yang kuat sejak dari kecil. Namun, itu bukanlah faktor penghalang bagi mahasiswa daripada solat dengan sempurna.

Terdapat 71.71% responden melihat dan sangat bersetuju bahawa ibu bapa mereka mendirikan solat fardu secara konsisten. Selain daripada didikan keluarga menjadi pengaruh dan faktor pemangkin mahasiswa mendirikan solat, tidak dinafikan bahawa mahasiswa sebagai anak sangat memerhati bagaimana didikan ini diberikan kepada mereka. Keluarga yang menunjukkan teladan yang baik mampu memberi kesan kepada pembentukan nilai yang baik buat generasi seterusnya. Hasilnya 65.56% daripada responden sangat bersetuju bahawa ibu bapa adalah pendorong utama mereka mendirikan solat fardu.

Akhirnya, melihat kepada persekitaran di kampus, faktor sahabat dikaji bagi melihat kesannya kepada pendorong bagi mahasiswa menunaikan solat fardu. Dapatkan kajian menunjukkan lebih kurang 81% responden setuju dan sangat bersetuju bahawa sahabat dan orang di sekeliling mereka mendirikan solat secara konsisten. Terdapat 82% responden setuju dan sangat bersetuju bahawa sahabat dan orang disekeliling mereka menjadi pendorong untuk mahasiswa menunaikan solat fardu. Justeru, dapat dirumuskan bahawa faktor individu dan luaran yang positif dilihat sebagai pemangkin yang positif untuk mahasiswa UiTM Shah Alam menunaikan solat fardu secara konsisten. Faktor individu dengan fokus utama kepada sikap pelajar dilihat sebagai pendorong utama sama ada pelajar mendirikan solat dengan sempurna ataupun tidak.

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian ini dapat memberikan gambaran penghayatan solat di kalangan mahasiswa UiTM Shah Alam. Dapatkan mendapat tahap penghayatan solat mereka berada pada tahap yang kurang memuaskan. Sewajarnya perkara yang wajib dan merupakan ibadah paling utama dalam Islam tidak boleh sama sekali diabaikan serta perlu dilaksanakan dengan sesempurna mungkin. Tahap penghayatan solat ini akan memberi impak kepada sikap, sahsiah dan kehidupan mahasiswa. Melihat kepada kepentingan ibadat ini, penghayatan solat fardhu menjadi suatu aspek penting yang harus ditekankan oleh semua umat Islam. Gejala keruntuhan akhlak dan masalah sosial yang menimpa umat Islam pada hari ini sering dikaitkan dengan tahap penghayatan solat yang rendah.

Oleh kerana itu, hasil kajian ini diharapkan dapat menjadi garis panduan kepada pihak berwajib untuk menyediakan strategi bagi meningkatkan tahap penghayatan solat di kalangan mahasiswa. Beberapa pihak berwajib yang dimaksudkan seperti pihak universiti melalui Bahagian Hal Ehwal Islam, Hal Ehwal Pelajar, pengurusan fakulti, para pensyarah serta semua warga universiti sewajarnya memainkan peranan masing-masing dalam hal ini. Peranan ibu bapa, keluarga serta orang sekeliling sememangnya tidak dapat dinafikan amat penting dalam membentuk peribadi muslim yang benar-benar menghayati kewajipan solat dalam kehidupan mereka. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat membuka minda semua pihak supaya sentiasa memberi perhatian dan mengambil berat terhadap arahan Allah SWT ini serta meyakini bahawa pensyariatan solat adalah untuk kemaslahatan dan kekuatan ummah.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua responden yang memberi kerjasama yang sangat baik bagi melengkapkan kajian ini. Penghargaan juga kepada *International Conference on Contemporary Islamic Studies* (ICIS2021) anjuran Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM di atas platform yang disediakan bagi kajian ini dibentangkan. Seterusnya kepada semua pensyarah ACIS yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam kajian ini dan semua pihak yang meneliti hasil kajian ini sehingga berjaya diterbitkan.

RUJUKAN

- Abdullah, W. M. (1991). *Munyatul Mushalli Syeikh Daud al-Fathani*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Al-Alim, Y. H. (1994). *Al-Maqasid al-'Ammah li al-Syariah al-Islamiah*. Riyad: International Islamic Publishing House.
- Al-Bakri, D. Z. (2017). *Al-Fiqh al-Manhaji, Ibadat dalam Fiqh al-Shafi'i*. Bandar Baru Bangi: Darul Syakir Enterprise.
- Al-Zuhaily, D. M. (2015). *Al-Mu'tamad Dalam Fiqh Mazhab Syafi'i*. Kuala Lumpur: Persekutuan Seruan Islam Selangor dan Wilayah Persekutuan.
- Ashaari, Muhamad Faisal & Adli, Mohammad. (2019). Kecenderungan Kebebasan Berfikir Mahasiswa Melayu Muslim Malaysia Dekad 1970-an. *International Journal of Islamic Thought*. 15. 93-106. 10.24035/ijit.15.2019.009.
- Bidin, H., Baharuddin, A.S., & Mustari, M.I. (2015). Kefahaman Ibadat Solat Fardu dalam Kalangan Mahasiswa Muslim: Kajian Tinjauan di Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka. *Sains Humanika*. 5:3 (2015) 21–34. e-ISSN ISSN: 2289-6996 available at http://www.myjurnal.my/filebank/published_article/36078/20.pdf
- Marzuki, M. K., Abd Rahman, M. M. & Ismail, A. (2018). Sikap Mahasiswa Terhadap Pengamalan Solat Fardu dan Kesannya kepada Pembentukan Sahsiah: Kajian di UiTM Kelantan Kampus Kota Bharu.
- Albasirah Journal*, [S.l.], v. 8, n. 2, p. 11-22, dec. 2018. ISSN 0128-3235. Available at: <https://ejournal.um.edu.my/index.php/ALBASIRAH/article/view/15592>
- Mohamad Akhir, Noor Syahidah and Abdul Rashid, Nurazlina and Abu Bakar, Suhaida (2016) Solat jemaah: kajian terhadap pengetahuan dan penghayatan mahasiswa UiTM Kedah / Noor Syahidah Mohamad Akhir (Dr) [et al.]. *Voice of Academia (VOA)*, 11 (2). pp. 51-60. ISSN 1985-5079

Muzamir, M. Y. (2021, February 14). SKMM Siasat Aplikasi Sugarbook. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my>

Qutb, S. (2004). *Tafsir fi Zhilalil Quran terjemahan*. Jakarta: Gema Insani.

HAMKA, A. M. (2015). *Tafsir al-Azhar pdf*.

Suhaila, N., Suhaily, M. S., Siti Syuhada, A. R., Ahmad A'toa' M & Azri Rizal, M R. (2018). Isu-Isu Pengabaian Solat Dalam Kalangan Remaja Di Negeri Selangor. *Masjid, Zakat And Waqf Management 2018 (Imaf 2018)*. <http://conference.kuis.edu.my/i-maf/images/eproceedings/2018/PAPER-9-SUHAILA-NADZRI.pdf>

Sulong , A. (2010). Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Mahasiswa.

Syahidatul, A.D. (2021, February 11). Cari sugardaddy melalui Sugarbook. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my>

Yahaya, A. (2021, February 26). Jawatankuasa khas dibentuk tangani masalah sosial mahasiswa. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my>